

UMNO perlukan pemimpin cekap

5 NOV 1993

KUALA LUMPUR 4 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, UMNO memerlukan pemimpin-pemimpin yang cekap berpolitik, mentadbir dan patriotik bagi menentukan kejayaan dan kebahagiaan kepada parti, agama, bangsa dan negara.

Presiden UMNO itu berkata, kualiti-kualiti itu perlu ada pada mereka yang menerajui parti dan menganggotai kerajaan kerana untuk berlumba dengan negara-negara lain, Malaysia perlu pada kestabilan dan

pembangunan yang berterusan.

“Mereka yang dipilih mesti bekerja sebagai satu pasukan dan bukan kerana mereka daripada satu pasukan. Tidak ada tempat bagi primadona dalam kerajaan. Yang perlu diutamakan ialah kecekapan, kemahiran, kesanggupan membelakangkan diri dan mengutamakan tugas dan negara,” tegas Perdana Menteri.

Dr. Mahathir menyampaikan ucapan dasarnya pada Perhimpunan Agung UMNO, di hadapan kira-

kira 3,500 perwakilan, pemerhati dan tetamu-tetamu khas yang memenuhi Dewan Merdeka, di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Nasihat Dr. Mahathir kepada calon-calon yang akan bertanding dalam pemilihan kali ini mendapat tepukan paling bergemuruh daripada para para perwakilan dan pemerhati yang memenuhi setiap penjuru Dewan Merdeka.

“Dalam pertandingan ini, mereka yang kalah patutlah bersedia untuk menerima kenyataan. Kekalahan

tidak menghinakan kita. Yang menghinakan adalah apabila kita bertindak liar kerana marah apabila kalah,” ujar beliau.

Yang mulia antara yang kalah, tambah Dr. Mahathir, ialah mereka yang akan terus menyumbangkan khidmat mereka kepada parti.

Beliau gembira, kerana ramai daripada mereka yang sudah tidak menjadi pemimpin parti atau memegang jawatan dalam kerajaan, masih aktif dalam hal ehwal parti.

“Saya percaya, mereka ini sedar, mereka naik dahulu pun kerana parti. Mereka bukanlah daripada jenis orang yang membakar jambatan setelah menyeberang,” tegas beliau.


Bagi yang menang pula, Presiden UMNO itu mengingatkan bahawa hari ini adalah hari mereka. Esok mereka juga mungkin jatuh.

“Janganlah terlalu sombong dan angkuh kerana kemenangan. Janganlah ada yang berfikir, dengan kemenangan mereka boleh mengambil semua dan menyingkirkan mereka yang tidak bersama kita. Yang kalahpun mendapat sokongan dan mereka masih berhak,” kata Dr. Mahathir disambut dengan tepukan bergemuruh yang berpanjangan daripada para perwakilan.

Perdana Menteri mahu, selepas pemilihan, ahli-ahli UMNO hendaklah merapatkan semula barisan.

“Ingatlah, kita berjuang

SEKITAR
PERHIMPUNAN
AGUNG



UMNO
1993

untuk UMNO. Jika calon kita menang tetapi parti hancur atau lemah, kita sebenarnya kalah. UMNO bukan milik orang yang bertanding atau orang kanan mereka. UMNO milik semua ahli parti, bahkan ia dimiliki oleh semua orang Melayu dan bumiputera,” tegas beliau.

Menurut Dr. Mahathir, UMNO tidak mempunyai tempat untuk orang yang berjuang untuk mendapat tempat, jawatan dan pangkat.

Katanya, tempat dalam UMNO hanyalah untuk mereka yang inginkan peluang bagi menjayakan idea-idea yang boleh mendatangkan kejayaan dan kebahagiaan kepada parti, agama, bangsa dan negara.

Kata Dr. Mahathir, sebagai seorang yang dilantik oleh ahli-ahli UMNO, beliau sedar bahawa walau bagaimana popular sekalipun seseorang pemimpin itu, akhirnya ia akan digugurkan juga.

“Saya akan menerima apa juga keputusan parti terhadap saya apabila tiba masanya. Hari ini giliran orang lain, esok mungkin giliran saya pula. Demikianlah politik,” katanya.